

28 FEB 1998

SULTAN BRUNEI BERANGKAT PULANG (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 28 Feb (Bernama) -- Sultan Hassanal Bolkiah berangkat pulang ke Bandar Seri Begawan hari ini selepas menyatakan hasrat Brunei untuk melabur di Malaysia dalam perbicangannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Baginda berangkat dengan pesawat khas kira-kira pukul 7 petang di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Yang berada di lapangan terbang untuk mengucapkan selamat jalan kepada baginda ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim Zainuddin.

Turut mengiringi Sultan Hassanal dalam lawatan singkat sehari itu ialah adindanya, Pengiran Jefri Bolkiah yang juga Pengerusi Agensi Pelaburan Brunei (BIA) dan ketua-ketua setiausaha bagi kementerian perdagangan, kementerian luar dan Jabatan Perdana Menteri, Brunei.

Selain potensi pelaburan yang akan diuruskan BIA, Dr Mahathir dan Sultan Hassanal turut membincangkan mengenai cadangan menggunakan mata wang tunggal Asean dalam menghadapi masalah kewangan dan ekonomi yang melanda beberapa negara Asia.

Masalah lain yang dibincangkan ialah penghijrahan penduduk dari negara-negara yang paling terjejas dengan krisis mata wang serantau.

Sebelum ini, kedua-dua pemimpin mengadakan perbincangan di Bandar Seri Begawan ketika lawatan sehari Dr Mahathir ke Brunei pada 18 Feb lepas.

Jumlah dagangan antara Malaysia dan Brunei tahun lepas ialah RM830 juta dengan eksport Malaysia berjumlah RM763 juta. -- BERNAMA

RAZ NAK